



**UCAPAN ALUAN**

**YBHG. DATO' SURIANI BINTI DATO' AHMAD**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS EUSAHAWAN YOUNG HEROES SUMMIT 2019**

**21 DISEMBER 2019**

**MITEC - MALAYSIA INTERNATIONAL EXHIBITION AND TRADE  
CENTER**

---

## **SALUTASI**

**YB Tuan Syed Saddiq**

Menteri di Kementerian Belia dan Sukan

**YABhg Tun Daim Zainuddin**

Mantan Menteri Kewangan Malaysia

**YBrs. Puan Surina Shukri**

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC

**YBrs. Cik Nicole Tan**

Pengurus Negara Facebook

Yang diraikan para usahawan

Tuan-tuan dan Puan-puan

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

1. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berada di majlis Sidang Kemuncak eUsahawan *Young Heroes* 2019 dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada hari ini.
2. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sidang kemuncak pada pagi ini terutamanya para usahawan eUsahawan *Young Heroes*.

## **PENGENALAN**

3. Bertemakan Memperkasakan Keusahawanan Digital, kita sebenarnya telah bergerak seiring dengan perkembangan ekonomi digital global yang semakin kompetitif dan ia turut disumbangkan oleh peranan usahawan belia di negara ini.
4. Untuk makluman, sejak 2015, program eUsahawan telah melatih seramai 328,948 usahawan belia dan mikro dalam perniagaan digital dengan jumlah jualan tambahan mencecah hampir RM670 juta. Ini merupakan satu

pencapaian membanggakan yang diraih oleh para usahawan digital kita. Sekali lagi saya ucapkan tahniah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Transaksi perniagaan yang besar ini berteraskan ekonomi digital sebagai medium utama sudah pasti menjana ekonomi negara dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat terutamanya golongan muda.
6. Galakan serta sokongan berterusan perlu kita berikan kepada usahawan kerana mereka lah yang bakal memacu pertumbuhan ekonomi negara pada tahun-tahun mendatang sekaligus mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai *Gateway of ASEAN*.
7. Di pihak kerajaan, keperluan golongan belia yang terlibat dalam perniagaan sentiasa diberi perhatian melalui pelbagai program yang telah dijalankan. Jika dahulu, dunia perniagaan lebih didominasi golongan korporat dengan modal berbayar yang cukup besar, kebelakangan ini trend mula berubah apabila semakin ramai anak muda Malaysia menempa nama sebagai usahawan berjaya.

Para hadirin yang dihormati,

8. Wawasan Kemakmuran Bersama yang diilhamkan kerajaan memerlukan satu pendekatan ekonomi bagi menjamin kesaksamaan keberhasilan dari sesuatu inisiatif dengan mengambil kira pelbagai golongan dan sektor termasuklah belia dan keusahawanan.
9. Namun demikian, bagi memastikan golongan belia kita yang telah mencabar diri mengharungi bidang keusahawanan digital tidak terkapai-kapai, agensi-agensi kerajaan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sentiasa membuka pintu untuk mendengar serta menawarkan solusi kepada mereka.

10. Ini bertepatan dengan fungsi MDEC untuk melahirkan usahawan digital di Malaysia serta memperkasakan mereka bertunjangkan kemahiran digital seperti penggunaan aplikasi *Google Trends* dan *Search Engine Optimisation (SEO)*, *Facebook & Instagram for Business*, Teknik Penulisan & *Graphic Design*.
11. Adalah penting untuk para usahawan menyesuaikan diri dengan landskap terkini bidang perniagaan serta perlu peka terhadap sikap pelanggan yang telah berubah dari pembelian secara manual kepada pembelian secara dalam talian melalui platform-platform eCommerce.
12. Sedikit maklumat yang ingin saya kongsikan, menerusi satu kajian oleh *Facebook* mendapati 72 peratus responden di Asia Tenggara terlibat dengan pembelian secara digital berbanding hanya 42 peratus di rantau lain. Jelaslah, betapa besarnya potensi keusahawanan digital yang boleh diterokai di ASEAN yang mempunyai lebih 600 juta penduduk.

Tuan - tuan dan puan-puan sekalian,

13. Kebolehpasaran perniagaan bergantung kepada keseluruhan pakej produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Perkembangan ini tidak menjadi masalah memandangkan banyak perniagaan telah pun melalui proses *ideation* yang menyeluruh.
14. Sebaliknya, apa yang menjadi cabaran adalah bagaimana sesuatu produk atau perkhidmatan itu dipasarkan untuk menembusi pasaran sasaran atau *target market*.
15. Di sinilah peranan yang dimainkan MDEC melalui program eUsahawan *Young Heroes*, yang mana peserta telah diperkenalkan kepada kelas pemasaran digital yang meliputi tip-tip pemasaran digital yang berkesan.

16. Tidak sekadar berhenti di sini, pada masa hadapan, kami berazam untuk membawakan lebih banyak program-program berimpak tinggi yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat dengan sokongan berterusan dari kerajaan dan rakan-rakan strategik MDEC.

## PENUTUP

Tuan-tuan dan puan -puan sekalian,

17. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan di atas kerjasama yang terjalin dalam menjayakan program eUsahawan Young Heroes ini. Tidak dilupakan juga Kementerian Pendidikan Malaysia, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pembangunan Usahawan dan agensi di bawahnya diatas sokongan yang diberikan untuk memantapkan aspirasi yang termaktub dalam dasar keusahawanan negara.
18. Sesungguhnya tanpa bantuan pihak -pihak yang saya sebutkan tadi, program berimpak tinggi ini mungkin sukar dilaksanakan.
19. Adalah menjadi harapan kami agar program-program sebegini dapat diteruskan di peringkat mikro agar seluruh belia Malaysia terutamanya di luar bandar akan dapat menikmati hasil dari pendigitalan perniagaan.
20. Kepada semua peserta program eUsahawan Young Heroes yang diraikan di pentas ini, setinggi-tinggi tahniah kami ucapkan atas kecekalan anda untuk terus mencari ruang dan peluang untuk meneruskan perniagaan anda seterusnya menjadi Wira Digital, kebanggaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.